2014

PEMBANGUNAN SEKTOR KEWANGAN

67 Memastikan Pengantaraan yang Berkesan dan Cekap
68 Memperkukuh Industri Insurans dan Takaful
71 Membangunkan Pasaran Kewangan yang Mendalam dan Teguh
73 Memajukan Agenda Rangkuman Kewangan
75 Malaysia Sebagai Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa
77 Perkembangan Serantau dan Antarabangsa
78 *Rencana: Akaun Pelaburan di bawah IFSA*
83 Pembangunan Modal Insan Secara Berterusan

Pada tahun 2014, sektor kewangan terus mencapai kemajuan dalam beberapa bidang dalam usaha memenuhi visi dan strategi yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020. Meskipun proses pengantaraan terus menyokong keperluan pembiayaan ekonomi, namun masih ada ruang bagi institusi kewangan untuk merebut peluang yang ada dengan menyokong sektor pertumbuhan baharu. Pakej pembaharuan untuk sektor insurans hayat dan takaful keluarga akan dilaksanakan mulai tahun 2015 secara berperingkat bagi memastikan prasyarat untuk beralih ke pasaran yang lebih kompetitif dan inovatif telah tersedia. Langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menambah baik kecekapan dan kemampanan sektor insurans motor, termasuk pelarasan premium buat kali ketiga, juga merintis jalan bagi pemansuhan tarif secara beransur-ansur mulai tahun 2016.

Proses integrasi kewangan di rantau ini terus mencapai kemajuan dengan penyempurnaan Pakej Keenam Komitmen Sektor Kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan dan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN. Beberapa terbitan penting sukuk dan hutang mata wang asing, di samping inisiatif untuk memudahkan penggunaan mata wang serantau yang lebih meluas dan mengukuhkan status Malaysia sebagai `negara yang mesra penghasilan bersih´ (netting-friendly jurisdiction), juga telah mempertingkat dimensi antarabangsa sistem kewangan Malaysia. Bank terus menyokong pembangunan kewangan yang inklusif pada peringkat serantau dan global, manakala langkah yang diperkenalkan dalam negeri untuk memantau dan menilai keberkesanan inisiatif rangkuman kewangan akan mendorong dasar untuk meningkatkan bukan sahaja akses kepada perkhidmatan kewangan malah bagi penggunaannya yang berkesan. Beberapa pengaturan peringkat tinggi juga diwujudkan untuk meningkatkan penawaran dan kualiti profesional kewangan yang bertujuan memastikan sektor kewangan terus mempunyai sumber yang mencukupi untuk melaksanakan mandatnya.

MEMASTIKAN PENGANTARAAN YANG BERKESAN DAN CEKAP

Pada tahun 2014, sektor kewangan terus menggembleng tabungan dan pelaburan ke arah memenuhi pelbagai keperluan pembiayaan ekonomi. Jumlah pinjaman baharu yang dikeluarkan sistem perbankan terus berkembang sebanyak 13.3%. Lebih 70% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan disalurkan kepada perniagaan, dan bakinya kepada isi rumah. Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) juga berterusan, mencakupi 30.4% daripada jumlah pinjaman perniagaan yang dikeluarkan pada tahun 2014. Dalam pasaran sekuriti hutang, aktiviti memperoleh dana korporat kekal aktif meskipun persekitaran luar negara yang mencabar. Jumlah nominal sekuriti hutang swasta yang diterbitkan pada tahun 2014, termasuk sijil amanah jangka pendek (short-term trust certificates), adalah sebanyak RM137.5 bilion, mencerminkan pertumbuhan tahunan sebanyak 10.7% (2013: RM124.2 bilion).

Sektor kewangan mempunyai peranan penting untuk membolehkan ekonomi Malaysia beralih ke arah aktiviti nilai tambah yang lebih tinggi. Peranan ini tidak terhad kepada pembiayaan langsung bank. Pembangunan struktur kewangan yang inovatif, termasuk akaun pelaburan Islam, dan penyediaan bentuk perkhidmatan kewangan bukan kredit yang lain telah memperluas potensi institusi kewangan untuk memainkan peranan lebih besar dalam menyokong keperluan pembiayaan industri pertumbuhan baharu, seperti teknologi hijau, bioteknologi dan industri inovatif yang lain. Kesemua sektor tersebut menyediakan peluang pertumbuhan yang besar bagi sektor kewangan negara, ketika transformasi ekonomi Malaysia ke arah menjadi negara maju menjadi lebih nyata.

Berdasarkan kaji selidik terbaharu yang dijalankan oleh Bank terhadap institusi perbankan, sebahagian besar pembiayaan baharu kepada perniagaan terus tertumpu kepada sektor ekonomi tradisional, manakala bahagian daripada jumlah pembiayaan kepada bidang pertumbuhan baharu mencakupi kurang daripada 5% meskipun terdapat permintaan

Rajah 2.1

Pembiayaan Sistem Perbankan Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

pembiayaan yang tinggi, terutamanya daripada syarikat permulaan. Memandangkan ciri usaha niaga tersebut yang sangat baharu, pembiayaan bank kepada syarikat permulaan sedemikian boleh, secara tidak wajar, mendedahkan dana pendeposit kepada risiko yang besar, khususnya apabila ketahanan syarikat permulaan bergantung sepenuhnya pada kejayaan usaha niaga yang belum pernah diterokai itu. Namun, masih terdapat ruang untuk bank merebut peluang pada pelbagai peringkat kitaran pertumbuhan syarikat inovatif yang tidak akan menjejaskan keperluan kehematan. Peluang ini sebahagian besarnya masih tidak dieksploitasi disebabkan faktor berikut:

- Kurangnya kepakaran institusi kewangan dari segi pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan dengan bidang pertumbuhan baharu untuk membantu penilaian risiko;
- Kurangnya maklumat pasaran mengenai potensi komersial bidang pertumbuhan baharu;
- Ketidakupayaan perniagaan untuk menyediakan cagaran yang lazimnya dikehendaki oleh bank;
- Kos pembiayaan yang terlalu tinggi; dan
- Sokongan tambahan yang diperlukan oleh syarikat-syarikat tersebut untuk menambah baik amalan pengurusan perniagaan dan kewangan.

Selain faktor di atas, pembiayaan bank kepada bidang pertumbuhan baharu juga boleh terhalang oleh faktor lain, seperti yang berikut:

- Rekod kredit dan rekod prestasi usaha niaga yang terhad, menyebabkan sukar untuk menentukan daya maju perniagaan;
- Kurangnya pelan perniagaan yang mantap selain penyimpanan rekod yang tidak lengkap; dan
- Tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan perniagaan lebih kecil dan baharu terhadap instrumen pembiayaan alternatif seperti ekuiti swasta dan pemajakan.

Dalam usaha menangani isu-isu tersebut dan meningkatkan keupayaan institusi kewangan untuk menyokong keperluan pembiayaan industri pertumbuhan baharu, Bank telah membantu dalam pelbagai kerjasama strategik antara industri perkhidmatan kewangan dengan pihak berkepentingan utama pada tahun 2014, termasuk Malaysia Green Technology Corporation, Perbadanan Harta Intelek Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Multimedia. Kerjasama tersebut berperanan meningkatkan kesedaran dalam kalangan institusi kewangan terhadap potensi pertumbuhan industri inovatif selain membantu merapatkan jurang maklumat penting, termasuk metodologi penilaian, yang menghalang pemberian kredit kepada syarikat yang berdaya maju. Persidangan dan sesi pemadanan perniagaan juga diadakan untuk menghubungkan institusi kewangan dengan peserta industri. Beberapa institusi kewangan juga telah memulakan inisiatif bina upaya melalui program latihan dalaman dan kerjasama dengan perniagaan yang terlibat dalam industri, seperti pengeluar panel solar, dalam usaha mendapatkan bakal pelanggan.

Selain bina upaya, perubahan juga perlu dilakukan terhadap cara institusi kewangan mempertimbangkan penyediaan pembiayaan kepada bidang pertumbuhan baharu. Keputusan kredit yang berdasarkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai prospek perniagaan peminjam dan nilainya yang melangkaui aset ketara, akan lebih memudahkan akses kepada pembiayaan bagi peminjam daripada bidang pertumbuhan baharu ini. Bagi perniagaan yang mempunyai rekod kredit yang tidak lengkap atau aliran pendapatan yang tertangguh, bentuk pembiayaan alternatif seperti pemfaktoran dan pemajakan, serta pembiayaan perdagangan berstruktur boleh dipertimbangkan. Penubuhan unit khidmat nasihat khusus untuk menyediakan khidmat penyelidikan dan pembangunan dalam sektor sasaran juga akan menyokong pertumbuhan jangka panjang institusi kewangan dalam bidang pertumbuhan baharu ini.

MEMPERKUKUH INDUSTRI INSURANS DAN TAKAFUL

Industri insurans dan takaful terus memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan

tabungan dan perlindungan isi rumah dan perniagaan Malaysia. Pada tahun 2014, jumlah bayaran sektor insurans hayat dan takaful keluarga untuk tuntutan kematian, hilang upaya dan perubatan meningkat 16.6% kepada RM5.0 bilion (2013: RM4.3 bilion). Industri ini turut membayar sebanyak RM10.2 bilion (2013: RM9.8 bilion) bagi manfaat kematangan dan nilai serahan tunai, yang meningkat 3.8% berbanding tahun 2013. Pada akhir tahun 2014, penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga menyediakan perlindungan sebanyak RM1.7 trilion (2013: RM1.6 trilion) dalam jumlah yang diinsuranskan/jumlah penyertaan untuk semua polisi, atau 161.8% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Ini bersamaan dengan jumlah diinsuranskan/jumlah penyertaan per kapita yang melebihi RM56,995. Meskipun kadar penembusan insurans, seperti diukur melalui bilangan polisi berbanding jumlah penduduk, telah meningkat dengan ketara sepanjang dekad yang lalu sebanyak 55.5% (2004: 42.6%), masih terdapat jurang yang besar dalam perlindungan, dengan masih ramai rakyat Malaysia sama ada tidak mempunyai sebarang perlindungan insurans hayat, ataupun mempunyai insurans yang kurang daripada apa yang mereka benar-benar perlukan. Menurut kaji selidik yang dikeluarkan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2013, jurang perlindungan purata adalah antara RM553,000 bagi keluarga yang pencari nafkah utamanya mempunyai insurans hayat, hingga RM723,000 bagi keluarga yang pencari nafkah utamanya tidak mempunyai insurans hayat. Ini jelas menunjukkan peluang pertumbuhan selanjutnya bagi insurans hayat dan takaful keluarga dalam memenuhi keperluan ini. Bagi sektor insurans dan takaful am, sebanyak RM8.6 bilion dibayar oleh industri pada tahun 2014 bagi tuntutan berkaitan kecederaan anggota badan, kerugian dan kerosakan harta benda, serta perniagaan yang terjejas dan liabiliti pihak ketiga. Ini bersamaan dengan jumlah bayaran tuntutan purata sebanyak RM23.5 juta sehari.

Rajah 2.2

Insurans Hayat dan Takaful Keluarga: Jumlah Diinsuranskan dan Jumlah Penyertaan yang Masih Berkuat Kuasa*



*Tidak termasuk insurans semula dan takaful semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga

Pada bulan November 2013, Bank mengeluarkan kertas konsep Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga (Life Insurance and Family Takaful Framework, LIFE Framework), yang mengandungi pakej pembaharuan yang bertujuan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan saluran penyampaian serta menggalakkan inovasi produk yang lebih giat. Ini disusuli dengan perbincangan dan interaksi yang meluas dengan kumpulan industri dan pihak berkepentingan lain pada tahun 2014. Cadangan Bank pada amnya diterima dengan baik, namun beberapa kebimbangan dibangkitkan, berkaitan pemansuhan had operasi bagi ganjaran agensi dan perbelanjaan pengurusan, yang boleh mengurangkan persaingan dalam pasaran serta nasihat berkaitan dengan produk yang diterima pengguna. Ini timbul memandangkan syarikat terbesar akan menaikkan tawaran komisen mereka dengan agresif untuk menarik ejen untuk menjual produk mereka. Beberapa penanggung insurans juga menyatakan bahawa cadangan kadar peruntukan minimum, yang dirangka untuk mengekalkan nilai kepada pemegang polisi, boleh menyebabkan produk sedia ada sukar dikekalkan dalam jangka masa panjang. Walaupun kebimbangan tersebut berasas, namun Bank berpendapat kesemua itu merupakan isu-isu peralihan yang boleh ditangani. Pelaksanaan pakej lengkap pembaharuan akan mewujudkan prasyarat untuk persaingan pasaran dan evolusi produk baharu dengan usul nilai (value proposition) yang lebih besar. Sebagai sebahagian daripada proses peralihan dan bagi mengurangkan potensi gangguan terhadap penyediaan produk dan perkhidmatan kepada pengguna, Bank akan melaksanakan Rangka Kerja LIFE secara berperingkat, bermula dengan langkah-langkah berikut pada tahun 2015:

- Pelaksanaan saluran langsung dan agregator produk untuk membolehkan pengguna membandingkan produk yang ditawarkan oleh pembekal yang berbeza dan membeli produk insurans hayat atau takaful keluarga melalui saluran langsung seperti Internet.

Ini akan dilaksanakan bersama-sama dengan perlindungan yang akan diwujudkan untuk menggalakkan keputusan dibuat berdasarkan maklumat yang mencukupi;

- Semakan terhadap rangka kerja pengawalseliaan penasihat kewangan untuk memberikan fleksibiliti operasi yang lebih tinggi selain menambah baik senarai kelayakan yang diiktiraf bagi penasihat kewangan;
- Pemansuhan had skim pembiayaan agensi dan penjajaran struktur kos antara bankasurans/banktakaful dengan ejen korporat bagi produk bukan berkaitan pelaburan selain produk perlindungan tulen untuk memperluas saluran penyampaian produk insurans dan takaful; dan
- Memperkenalkan kad skor seimbang (balanced scorecard) bagi semua pengantara untuk mendorong tahap profesionalisme dan kualiti perkhidmatan yang lebih tinggi, serta memastikan keperluan pengguna untuk mendapat nasihat dan maklumat dapat dipenuhi dengan berkesan.

Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2015

Langkah-langkah tersebut akan disusuli dengan liberalisasi struktur komisen bagi produk berkaitan pelaburan, termasuk pengenalan kadar peruntukan minimum. Ini dijangka merangsang inovasi produk dan saluran penyampaian yang lebih pelbagai, yang boleh memenuhi berbagai-bagai keperluan pengguna berdasarkan tahap kesanggupan mengambil risiko, matlamat kewangan dan tahap celik kewangan seseorang individu.

Peralihan ke arah persekitaran penetapan harga terurus yang berasaskan pasaran pada tahun 2016

Pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu (Rangka Kerja Motor) menyaksikan peningkatan yang ketara dalam proses penyelesaian tuntutan dalam sektor insurans motor. Pada tahun 2014, Pusat Panggilan Bantuan Kemalangan, iaitu perkhidmatan *hotline* 24 jam yang diperkenalkan pada tahun 2013 untuk membantu orang ramai yang terlibat dalam kemalangan jalan raya, telah mengendalikan sebanyak 6,248 panggilan kemalangan motor dan kecemasan jalan raya. Pengedaran risalah dan panduan tuntutan motor yang meluas di hospital, balai polis dan pejabat pos juga memberikan panduan kepada pemilik kenderaan dan mangsa kemalangan motor tentang langkah-langkah penting yang perlu diambil untuk mempercepat tuntutan dan melindungi diri daripada pelbagai pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba mengambil kesempatan daripada kesukaran yang dihadapi. Hasil daripada inisiatif di bawah Rangka Kerja Motor ini, masa yang diambil untuk menyelesaikan tuntutan kecederaan anggota pihak ketiga nyata lebih singkat pada separuh pertama tahun 2014, dengan purata pengurangan sebanyak 39 hari berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013. Sejak penubuhan Majlis Pengurangan Kecurian Kenderaan Malaysia pada tahun 2007, pelbagai langkah yang diperkenalkan turut menyumbang kepada pengurangan insiden kecurian kenderaan. Bilangan kecurian pada tahun 2014 berkurang sebanyak 19.9% berbanding tahun 2013, yang menyumbang kepada pengurangan jumlah tuntutan yang dibayar bagi kerugian kecurian sebanyak kira-kira RM125 juta.

Penambahbaikan dalam proses penyelesaian tuntutan motor hasil daripada pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baharu

Bagi menambah baik proses tuntutan dan pengunderaitan penanggung insurans dan pengendali takaful, ISM Insurance Services Malaysia Berhad sedang dalam proses mewujudkan Sistem Perisikan Penipuan (Fraudulent Intelligence System, FIS). FIS adalah penting untuk menghasilkan penjimatan, dan akhirnya menyumbang kepada premium yang lebih rendah, dengan pengurangan kerugian yang ditanggung setiap tahun akibat tuntutan palsu, yang dianggarkan bernilai sebanyak kira-kira RM760 juta setahun. Pada peringkat permulaan, FIS akan hanya meliputi sektor motor sebelum diperluas kepada semua jenis perniagaan insurans dan takaful.

Perkembangan ini merintis jalan bagi penerusan rancangan untuk memansuhkan tarif dalam sektor motor secara beransur-ansur pada tahun 2016. Langkah sedemikian akan menghasilkan premium yang lebih mencerminkan risiko, iaitu pemilik polisi dengan profil risiko yang lebih baik menikmati premium yang lebih rendah berbanding dengan kumpulan yang berisiko tinggi. Bagi memastikan perlindungan insurans motor kekal berpatutan dan memudahkan peralihan yang teratur ke arah persekitaran yang lebih liberal, premium pada peringkat awalnya akan diselaraskan dalam lingkungan yang ditetapkan. Pelan pembangunan terperinci yang menggariskan pendekatan yang akan diambil ke arah penetapan harga berasaskan pasaran sepenuhnya akan diumumkan pada tahun 2015.

Sebagai sebahagian daripada peralihan ini, pelarasan premium motor buat kali ketiga telah dilaksanakan pada 15 Februari 2014 di bawah Rangka Kerja Motor. Pelarasan yang sama seperti pusingan sebelumnya telah dibuat ke atas premium untuk tiga kelas kenderaan sahaja – kereta persendirian, motosikal dan bas ekspres. Kadar premium bagi kelas kenderaan lain kekal tidak berubah kerana harganya pada amnya telah mencerminkan pengalaman tuntutan yang lalu. Pusingan akhir pelarasan premium akan dilaksanakan pada tahun 2015.

MEMBANGUNKAN PASARAN KEWANGAN YANG MENDALAM DAN TEGUH

Pasaran kewangan domestik terus membangun sebagai saluran penting bagi aktiviti pemerolehan dana, pelaburan dan pengurusan risiko. Pada tahun 2014, jumlah sekuriti hutang terkumpul berkembang 8.2% kepada RM1,117.0 bilion (2013: RM1,032.5 bilion), dengan nilai nominal terbitan baharu sebanyak RM505.9 bilion (2013: RM501.2 bilion). Pasaran sekuriti hutang Malaysia kekal sebagai pasaran terbesar di Asia Tenggara, pada 104.4% daripada KDNK. Antara perkembangan penting pada tahun 2014 ialah terbitan bon tiga tahun bernilai RMB1.5 bilion oleh Cagamas Berhad pada bulan September 2014. Terbitan ini telah menarik permintaan yang kukuh dengan nisbah bida-lindungan sebanyak lebih tiga kali dan kadar kupon tetap sebanyak 3.7% setahun. Terbitan penting tersebut dengan nama pasaran `Tiger Emas Bond´, merupakan bon renminbi terbesar oleh penerbit Malaysia pada tahun 2014. Terbitan ini juga merupakan bon renminbi dan dalam denominasi bukan ringgit yang pertama diselesaikan menerusi Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) Malaysia, lantas mengesahkan keupayaan RENTAS menyokong terbitan dan depositori bon mata wang asing di pasaran antarabangsa.

Pasaran pertukaran asing juga tumbuh dengan pesat pada tahun 2014 dengan purata jumlah dagangan harian bagi urus niaga pertukaran asing meningkat 13.5% kepada USD11.8 bilion (2013: USD10.4 bilion). Untuk terus memodenkan infrastruktur pasaran kewangan, Bank memberikan kelulusan kepada sebuah broker wang elektronik asing untuk menyediakan platform pemadanan elektronik bagi pasaran pertukaran asing antara

Rajah 2.3

Sekuriti Hutang Terkumpul (Awam dan Swasta)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.4

Pasaran Sekuriti Hutang Mata Wang Tempatan Terkumpul ASEAN



* Pada September 2014

Sumber: Asian Bonds Online

Penambahbaikan Standard Penetapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR)

Berikutan pembaharuan global baru-baru ini terhadap tanda aras kewangan, termasuk pengenalan Prinsip Tanda Aras Kewangan oleh Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (International Organisation of Securities Commissions, IOSCO), Bank telah menjalankan kajian semula terhadap Standard Penetapan Kadar KLIBOR (Standard) untuk terus memperkukuh keberkesanan KLIBOR dari segi tadbir urus, pengawasan, akauntabiliti dan ketelusan. Hasil daripada kajian semula ini, Bank memperkenalkan penambahbaikan terhadap rangka kerja KLIBOR seperti yang berikut:

- Prosedur luar jangka sekiranya terdapat gangguan pasaran atau operasi;
- Pengaturan lebih kukuh akan dibuat terhadap penyumbang KLIBOR untuk menangani konflik kepentingan, keperluan latihan dan pemberian maklumat (whistle-blowing);
- Prosedur mengendalikan aduan yang diajukan kepada Bank oleh pihak yang berkepentingan;
- Pengenalan hierarki data sebagai panduan bagi input penyumbangan;
- Pelaporan berkala oleh penyumbang KLIBOR yang bertujuan untuk memantau pematuhan terhadap Standard; dan
- Penubuhan jawatankuasa perunding untuk memberi khidmat nasihat pakar mengenai kemantapan proses penetapan kadar.

Penambahbaikan ini menjadikan Standard sejajar dengan Prinsip IOSCO mengenai Tanda Aras Kewangan yang merupakan rangka kerja menyeluruh bagi pembaharuan tanda aras seperti yang disokong oleh Lembaga Kestabilan Kewangan. Cadangan penambahbaikan adalah terkandung dalam kertas konsep yang dikeluarkan Bank pada 19 November 2014 dan dijangka dimuktamadkan menjelang suku pertama tahun 2015.

bank. Pengenalan broker wang elektronik asing merupakan sebahagian daripada liberalisasi berterusan pasaran pertukaran asing Malaysia dan dijangka mempercepat pembangunan saluran elektronik yang akan memperluas manfaat peningkatan kecekapan serta peluang melangkaui pasaran antara bank kepada pengantara lain dan pengguna akhir.

Sejajar dengan peningkatan aktiviti perdagangan dan pelaburan dalam rantau, inisiatif untuk memudahkan penggunaan mata wang serantau yang lebih meluas telah dipergiat. Antara perkembangan berkaitan yang penting pada tahun 2014 ialah:

(i) Pengoperasian Kemudahan Deposit dan Pelaburan Renminbi

Kemudahan Deposit dan Pelaburan Renminbi (Renminbi Deposit and Investment Facility, RDIF), merupakan sebahagian daripada Kemudahan Mudah Tunai Renminbi yang ditawarkan oleh Bank untuk menambahkan mudah tunai renminbi dalam pasaran domestik. RDIF menyediakan saluran alternatif kepada institusi kewangan untuk menempatkan lebihan dana renminbi mereka dengan Bank. Pada akhir tahun 2014, institusi kewangan tempatan telah menempatkan sebanyak RMB3.5 bilion dengan Bank melalui RDIF. Peluang sedia wujud bagi institusi kewangan tempatan untuk terus menggunakan RDIF, khususnya dalam mengurus mudah tunai jangka pendek mereka. Oleh itu, kemudahan ini menyediakan pemangkin untuk meningkatkan penawaran produk pelaburan renminbi seperti deposit renminbi dalam negeri.

(ii) Pelantikan bank penjelasan renminbi yang khusus

Susulan Memorandum Persefahaman yang ditandatangani Bank dengan People's Bank of China pada 10 November 2014, Bank of China Malaysia Berhad telah dilantik sebagai bank penjelasan renminbi bagi Malaysia pada 5 Januari 2015. Ini menandakan satu lagi kerjasama yang bermakna dengan People's Bank of China dalam membangunkan infrastruktur kewangan Malaysia untuk memudahkan penggunaan mata wang tempatan dalam aliran perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara. Dengan akses langsung kepada pasaran kewangan China, bank penjelasan renminbi ini akan membolehkan institusi kewangan Malaysia untuk memperoleh dana renminbi terus daripada pasaran kewangan tempatan China pada kadar yang kompetitif. Dengan kebanyakan

bank penjelasan renminbi kini terletak di negara maju, pelantikan bank penjelasan renminbi bagi Malaysia – yang pertama untuk ekonomi sedang membangun Asia di luar China – merupakan perkembangan penting dalam penyediaan satu lagi pilihan yang berdaya maju untuk firma dan institusi kewangan di rantau ASEAN untuk mengurus urus niaga renminbi mereka dengan lebih berkesan pada masa depan.

Inisiatif untuk memudahkan penggunaan mata wang serantau yang lebih meluas telah dipergiat

Satu lagi perkembangan penting pada tahun 2014 ialah enakmen Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 (Netting of Financial Agreements Bill 2014, NFA) pada bulan Disember 2014 yang memberikan jaminan undang-undang bahawa pengaturan penghasilan bersih di bawah perjanjian kewangan yang lazim digunakan di Malaysia boleh dikuatkuasakan. NFA, yang berkuat kuasa pada tahun 2015, mengukuhkan status Malaysia sebagai `negara yang mesra penghasilan bersih´ dan memperkukuh hak dan obligasi kontraktual rakan niaga di bawah perjanjian kewangan yang layak. Perjanjian kewangan ini termasuk International Swap and Derivatives Association (ISDA) Master Agreement, Global Master Repurchase Agreement dan International Securities Lending Agreement yang mentadbir urus derivatif di kaunter, perjanjian beli semula, jual dan beli balik sekuriti (securities sell-buy back), serta urus niaga peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti untuk sekuriti hutang tidak tersenarai.

Walaupun penghasilan bersih memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko sistemik, diakui bahawa semasa krisis, kemampuan pihak berkuasa resolusi untuk melaksanakan strategi resolusi secara berkesan boleh terjejas dengan ketara oleh tindakan rakan niaga yang ingin menguatkuasakan penghasilan bersih. Selaras dengan Ciri Utama Rejim Resolusi Berkesan Institusi Kewangan (Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions) yang dikeluarkan oleh Lembaga Kestabilan Kewangan, penguatkuasaan pengaturan penghasilan bersih di bawah NFA adalah tertakluk kepada penangguhan sementara untuk memudahkan resolusi yang teratur bagi institusi kewangan di bawah senario tekanan. Ini juga selaras dengan usaha global, yang diketuai ISDA, untuk memasukkan penangguhan sementara dalam pengaturan kontraktual bagi memudahkan aplikasi keperluan resolusi merentas sempadan. Di bawah NFA, Menteri diberikan kuasa untuk menetapkan tempoh penangguhan sementara berdasarkan syor pihak berkuasa berkenaan yang bertanggungjawab terhadap resolusi institusi kewangan. Ini bagi memastikan pelaksanaan yang konsisten di semua institusi yang dikawal selia. Menteri juga mempunyai kuasa yang perlu untuk menangani perkembangan perundangan atau pasaran pada masa depan yang boleh menimbulkan ketidakpastian tentang sama ada pengaturan penghasilan bersih boleh dikuatkuasakan.

Enakmen Rang Undang-undang Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2014 mengukuhkan status Malaysia sebagai `negara yang mesra penghasilan bersih´

Enakmen NFA dan pengiktirafan antarabangsa terhadap Malaysia sebagai `negara yang mesra penghasilan bersih´ akan terus menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan pasaran derivatif Malaysia, melalui peningkatan mudah tunai pasaran dan pengurangan kos pengenalan bagi rangkaian instrumen pengurusan risiko yang lebih luas.

MEMAJUKAN AGENDA RANGKUMAN KEWANGAN

Bank terus memberikan keutamaan yang tinggi terhadap usaha memajukan agenda rangkuman kewangan. Bagi memantau kemajuan inisiatif rangkuman kewangan, Bank melaksanakan rangka kerja pemantauan yang sistematik berdasarkan empat dimensi am berikut:

- `Tahap boleh akses yang mudah´ mengukur ketersediaan pusat akses kewangan di setiap mukim di negara ini;
- `Kadar pengambilan' mengukur akses penduduk kepada produk dan perkhidmatan kewangan;
- `Penggunaan yang bertanggungjawab´

mengukur tahap penggunaan ataupun aktiviti berkaitan produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan; dan

- `Tahap kepuasan´ yang mengukur kualiti dan kecekapan produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan, berdasarkan kepuasan pengguna.

Pelaksanaan rangka kerja pemantauan rangkuman kewangan yang sistematik adalah selaras dengan objektif Deklarasi Maya dan Perjanjian Sasana. Deklarasi Maya, yang dilancarkan pada tahun 2011, merupakan set komitmen pertama yang boleh diukur yang dirumuskan oleh negara anggota Persatuan bagi Rangkuman Kewangan (Alliance for Financial Inclusion, AFI) untuk menjangkau 2.5 bilion penduduk dunia yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan menerusi rangkuman kewangan yang lebih luas. Untuk terus mengukuhkan keberkesanan komitmen tersebut, rangkaian AFI menerima pakai Perjanjian Sasana pada tahun 2013. Di bawah Perjanjian tersebut, anggota AFI komited kepada matlamat yang boleh dinilai dan diukur di negara masing-masing dan memantau kemajuannya menerusi Set Teras Penunjuk Rangkuman Kewangan AFI.

Bank juga menjalankan kaji selidik rangkuman kewangan dari segi permintaan (financial inclusion demand-side survey) yang kedua pada bulan Januari 2015 untuk menilai keberkesanan inisiatif yang dilancarkan sejak kaji selidik pertama pada tahun 2011. Hasil kaji selidik akan terus digunakan sebagai input penting dalam penetapan keutamaan rangkuman kewangan Bank pada masa depan. Dengan pemahaman yang lebih mendalam daripada kaji selidik itu mengenai keperluan kewangan penduduk yang sentiasa berubah dan akses mereka kepada perkhidmatan kewangan, pendekatan yang lebih terarah dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar boleh dicapai.

Dalam usaha meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan, Rangka Kerja Perbankan Ejen terus dikembangkan. Beberapa institusi kewangan melaksanakan inisiatif perbankan ejen pada tahun 2014 dengan penyertaan kedai runcit dan pertubuhan peladang. Rangkaian perkhidmatan yang ditawarkan menerusi perbankan ejen juga lebih luas, dengan sebuah institusi kewangan pembangunan kini membenarkan pelanggan untuk membuka akaun bank menerusi ejennya. Pada akhir tahun 2014, sebanyak 95% daripada 872 mukim dengan penduduk melebihi 2,000 orang atau daerah Dewan Undangan Negeri (DUN) di Sabah mendapat manfaat daripada kewujudan kemudahan perbankan (2011: 46%). Perbankan ejen mewakili satu-satunya kemudahan perbankan di 53% daripada mukim/DUN ini. Hasilnya, sebanyak 99% penduduk Malaysia mempunyai akses kepada perkhidmatan bank pada masa ini, sama ada menerusi cawangan bank, ejen atau kedua-duanya. Pada masa yang sama, sebanyak 92% penduduk dewasa di Malaysia memiliki sekurang-kurangnya satu akaun deposit, dengan 90% daripadanya merupakan akaun aktif dengan deposit dan pengeluaran secara kerap. Manfaat daripada rangka kerja ini telah dapat dinikmati oleh pengguna kewangan. Beberapa komuniti, yang sebelum ini terpaksa melalui perjalanan sehingga sejauh 140 kilometer untuk pergi ke cawangan bank terdekat, kini mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan yang terletak dalam jarak yang boleh sampai dengan berjalan kaki. Dalam sesetengah keadaan, ini telah menghasilkan penjimatan dari segi kos pengangkutan sehingga RM100 bagi setiap perjalanan ke cawangan bank, dan dari segi masa perjalanan sehingga tiga jam. Masyarakat luar bandar juga mempunyai akses kepada perkhidmatan kewangan dalam tempoh yang lebih lama kerana urus niaga dijalankan mengikut waktu operasi ejen, yang biasanya lebih panjang daripada waktu operasi biasa cawangan bank.

Lebih banyak ejen perbankan dilancarkan dengan penawaran perkhidmatan yang lebih pelbagai

Skim Pembiayaan Mikro, yang menerusinya sektor kewangan dapat memberikan sokongan pembiayaan kepada perusahaan mikro, terus meningkat, walaupun pada kadar yang lebih sederhana dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Jumlah pembiayaan terkumpul yang diberikan di bawah Skim Pembiayaan Mikro ialah RM863.2 juta pada akhir tahun 2014 dan telah memberikan manfaat kepada peminjam menerusi lebih 66,000 akaun. Sebanyak RM2.7 bilion telah diluluskan kepada lebih 168,000 akaun perusahaan mikro sejak skim ini dimulakan pada tahun 2006. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pembiayaan yang diberikan di bawah Skim Pembiayaan Mikro dalam beberapa tahun

kebelakangan ini sebahagian besarnya disebabkan penyediaan lebih banyak saluran pembiayaan alternatif oleh pelbagai agensi kerajaan bagi membolehkan perusahaan mikro mendapatkan pembiayaan. Beberapa bank dan institusi kewangan pembangunan yang menyertai skim ini juga mencatat jumlah pembiayaan terjejas yang lebih tinggi. Beberapa institusi kewangan yang menyertai skim ini telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengkaji semula mekanisme pemantauan sedia ada bagi membolehkan intervensi lebih awal yang bersesuaian dengan ciri peminjam, bagi mengelakkan kemungkiran. Ini termasuk menyediakan khidmat nasihat kepada peminjam mikro. Pada tahun 2014, satu skim dengan syarat pembayaran balik yang fleksibel juga dilancarkan bagi memenuhi keperluan perusahaan mikro yang mempunyai aliran pendapatan yang tidak tetap atau bermusim. Program rintis akan dilancarkan oleh sebuah institusi kewangan pembangunan pada tahun 2015 untuk menggalakkan pengurusan kewangan berhemat dalam kalangan isi rumah yang berpendapatan lebih rendah. Di bawah program ini, pemegang akaun akan membuat simpanan secara kecil-kecilan untuk suatu tempoh masa tertentu dan menikmati pulangan yang menggalakkan, dan pada masa yang sama, masih mempunyai akses kepada wang simpanan itu jika timbul sebarang keperluan yang mendesak. Produk tersebut dijangkakan dapat memupuk tabiat menabung secara kerap dan membawa kepada peningkatan taraf hidup dalam kalangan segmen berpendapatan rendah. Bagi memenuhi keperluan perlindungan segmen berpendapatan rendah dan yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan, produk insurans dan takaful yang mampu diperoleh sedang dirintis oleh beberapa penanggung insurans dan pengendali takaful. Ejen perbankan dan pejabat pos juga sedang dikaji untuk dijadikan saluran berpotensi untuk mengedarkan produk-produk ini disebabkan jangkauannya yang luas. Bank akan mengeluarkan satu rangka kerja produk insurans mikro dan takaful mikro pada tahun 2015, dengan mengambil kira pengalaman skim rintis ini. Rangka kerja ini bertujuan memastikan persekitaran kawal selia yang menyokong produk insurans mikro dan takaful mikro yang bukan sahaja mampu diperoleh, bahkan mampan dari segi komersial.

Pada peringkat antarabangsa, Bank terus memberikan sokongan padu kepada pembangunan kewangan yang inklusif. Sebagai pengiktirafan terhadap peranan ini, Malaysia telah berjaya dalam bidaannya untuk menjadi tuan rumah bagi ibu pejabat AFI, iaitu rangkaian global penggubal dasar dari lebih 100 negara. Ini akan membuka lebih banyak peluang buat Malaysia untuk memainkan peranan strategik dalam mengukuhkan kerjasama merentas sempadan dalam bidang perbankan pusat dan kewangan. Usaha juga sedang dilaksanakan untuk menubuhkan Pertukaran Pengetahuan Rangkuman Kewangan Global (Global Financial Inclusion Knowledge Exchange) untuk menjadi repositori pusat bagi penggubal dasar yang terlibat dengan rangkuman kewangan.

Sumbangan aktif Bank kepada agenda rangkuman kewangan global juga termasuk pembangunan secara usaha sama Penunjuk Set Teras (Penunjuk) dan Indeks Rangkuman Kewangan (Indeks) di bawah Kumpulan Kerja Data Rangkuman Kewangan AFI untuk memantau kemajuan rangkuman kewangan di negara-negara yang berbeza. Pembangunan Penunjuk dan Indeks ini adalah berdasarkan metodologi dan rangka kerja yang dibangunkan secara dalaman oleh Bank untuk mengukur tahap rangkuman kewangan di Malaysia. Bank juga menyumbang kepada penyediaan kertas dasar, yang disokong badan penetapan piawaian antarabangsa, termasuk Bank for International Settlements, mengenai pelbagai isu rangkuman kewangan, seperti kesan piawaian global terhadap rangkuman kewangan, pemerkasaan pengguna dan amalan pasaran, perbincangan dan interaksi sektor awam-sektor swasta, serta peningkatan akses kepada kewangan untuk PKS. Bank, dengan kerjasama AFI, juga telah menganjurkan program bina upaya yang memberikan manfaat kepada 132 penggubal dasar dari 46 negara dalam bidang-bidang yang menyokong agenda rangkuman kewangan.

MALAYSIA SEBAGAI PASARAN KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA

Pasaran kewangan Islam mengekalkan momentum pertumbuhannya pada tahun 2014, hasil sokongan beberapa inisiatif baharu yang bertujuan menjadikan pasaran lebih teguh. Sektor perbankan Islam mencatat pertumbuhan 12.0% pada tahun 2014, mencakupi 25.6% daripada jumlah aset keseluruhan sistem perbankan. Aset mata wang asing dalam sektor perbankan Islam juga meningkat kepada RM27.7 bilion, mencerminkan peningkatan kepentingan urus niaga merentas sempadan dalam kewangan Islam (2013: RM19.3 bilion). Pada tahun 2014,

Rajah 2.5

Aset, Pembiayaan dan Deposit Mata Wang Asing Bank-bank Islam*



* Termasuk Bank-bank Islam Antarabangsa dan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa

Sumber: Bank Negara Malaysia

tiga bank konvensional memulakan operasi jendela perbankan Islam dan operasi unit perniagaan mata wang antarabangsa, lantas meningkatkan kepelbagaian dan daya saing pasaran. Pengelasan akaun pelaburan, yang berbeza daripada deposit Islam, di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) juga terus mengukuhkan potensi pertumbuhan sektor itu menerusi rangkaian produk yang lebih luas untuk memenuhi pelbagai keperluan pengguna. Susulan itu, Bank mengeluarkan Rangka Kerja Akaun Pelaburan bagi menyokong pembangunan dan pengoperasian akaun pelaburan secara teratur sebagai kelas aset dan sumber pendanaan baharu yang berlandaskan Syariah. Butiran akaun pelaburan dihuraikan dalam rencana bertajuk `Akaun Pelaburan di bawah IFSA'.

Rangka Kerja Akaun Pelaburan akan menyokong pembangunan dan pengoperasian akaun pelaburan secara teratur sebagai kelas aset dan sumber pendanaan baharu yang berlandaskan Syariah

Dalam sektor takaful, jumlah aset dana takaful meningkat kepada RM22.7 bilion pada akhir tahun 2014 (2013: RM20.9 bilion), manakala jumlah caruman takaful bersih merupakan 13.3% daripada jumlah premium dan caruman bersih sektor insurans dan takaful.

Malaysia juga terus menjadi destinasi pilihan untuk terbitan sukuk oleh syarikat dan organisasi antarabangsa. Pada tahun 2014, sebanyak 65.6% daripada terbitan baharu sukuk global, bersamaan dengan USD77.9 bilion, diterbitkan di Malaysia. Data terbaharu menunjukkan lebih 57% daripada jumlah sukuk global terkumpul diterbitkan di Malaysia. Sebanyak lima sukuk dalam denominasi mata wang asing diberikan status `Emas' pada tahun 2014, menjadikan jumlah sukuk berstatus `Emas' sejak tahun 2009 kepada 18. Tahun 2014 turut menyaksikan sukuk pertama dalam denominasi yen Jepun diterbitkan di Malaysia, lantas mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi terbitan sukuk pelbagai mata wang.

Pada tahun 2014, beberapa bank Malaysia dilantik sebagai pengurus utama bersama bagi memudahkan terbitan sukuk oleh organisasi antarabangsa dan Kerajaan Hong Kong SAR, Indonesia, Turki dan United Kingdom. Bursa Malaysia juga dipilih sebagai salah satu platform penyenaraian untuk perdagangan sukuk yang diterbitkan oleh Kerajaan Hong Kong SAR. Sebagai mencerminkan peningkatan permintaan merentas sempadan terhadap sukuk, Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) akan dimasukkan dalam indeks Barclays Global

Rajah 2.6

Jumlah Sukuk Global Terkumpul Tahun 2014



Sumber: Islamic Finance Information Service, Zawya, Bloomberg, Kuwait Finance House Research

Aggregate, Asian Pacific Aggregate dan EM Local Currency Government mulai 31 Mac 2015. Ini membolehkan GII dipasarkan kepada lebih banyak pelabur antarabangsa. Bagi memperluas jangkauan kewangan Islam di seluruh dunia, Bank melancarkan platform digital Global Conversations pada bulan September 2014. Platform ini terdiri daripada satu siri *hashtag* Twitter dan aplikasi mudah alih MYIF yang memberikan maklumat terkini mengenai perkembangan, tinjauan dan aliran urus janji terkini pasaran kewangan Islam Malaysia dan dari seluruh pelosok dunia. Secara khususnya, *hashtag* #YnotIF (yang merupakan singkatan untuk `Why Not Islamic Finance' atau `Mengapa Tidak Kewangan Islam'), diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosikan kewangan Islam kepada komuniti kewangan global.

PERKEMBANGAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Di rantau ASEAN, kemajuan ketara dalam usaha memperkukuh integrasi kewangan telah dicapai bagi merealisasikan visi pembentukan sebuah pasaran tunggal untuk barangan dan perkhidmatan di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN. Pakej Keenam Komitmen Sektor Kewangan, yang dijangka disempurnakan pada suku pertama 2015, menandakan langkah paling bermakna dalam liberalisasi perkhidmatan kewangan setakat ini di bawah Perjanjian Rangka Kerja ASEAN Mengenai Perkhidmatan. Di bawah Pakej Keenam, negara ASEAN membuat tawaran akses pasaran merentas semua mod bekalan yang meliputi subsektor perbankan, insurans dan pasaran modal. Ini termasuk bidang lesen baharu, fleksibiliti yang lebih kepada bank untuk membuka cawangan, had ekuiti asing yang lebih tinggi dan pergerakan ekspatriat profesional yang lebih mudah dalam sektor kewangan. Secara kolektif, tawaran ini akan menyediakan lebih banyak akses dan kepastian bagi operasi dan pelaburan institusi kewangan di ASEAN. Bagi Malaysia, tawaran baharu ini selaras dengan dasar sektor kewangan semasa, terutamanya yang berkaitan dengan sektor insurans dan pasaran modal. Ini termasuk liberalisasi terhadap syarat kemasukan kepada penanggung insurans langsung dan penanggung insurans semula, menggalakkan pembangunan dan integrasi pasaran modal serantau menerusi liberalisasi had ekuiti asing di syarikat broker saham, dan meningkatkan kumpulan tenaga mahir menerusi pengambilan ekspatriat untuk bekerja dalam bidang khusus.

Bersama-sama dengan Pakej Keenam ini, satu lagi pencapaian yang penting ialah penyempurnaan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN (ASEAN Banking Integration Framework, ABIF). ABIF merupakan pendekatan pragmatik yang membolehkan integrasi perbankan serantau yang lebih kukuh melalui pengaturan dua hala yang saling memberi manfaat dengan mengambil kira tahap kesediaan setiap negara anggota. Objektif jangka terdekat ABIF adalah untuk mewujudkan pasaran perbankan yang lebih bersepadu, diterajui Bank ASEAN Bertauliah (Qualified ASEAN Banks, QAB) yang mempunyai kehadiran yang bermakna di seluruh negara ASEAN. ABIF dibentuk berdasarkan prinsip yang mengutamakan pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih pesat, dan menekankan keterangkuman, ketelusan dan kesalingan dengan mengambil kira ketersediaan setiap negara anggota untuk melaksanakan liberalisasi sektor kewangan yang lebih meluas.

Di bawah ABIF, QAB yang mempunyai keupayaan dan diurus dengan baik akan menjadi penanda aras serantau. QAB ini akan diberikan lebih banyak akses dan fleksibiliti untuk meluaskan operasi di pasaran serantau. Berdasarkan penilaian manfaat timbal balik kepada negara asal dan negara tuan rumah, ABIF akan memberikan lebih banyak peluang kepada bank ASEAN untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam memudahkan perdagangan dan pelaburan dalam rantau menerusi pengantaraan aliran kewangan merentas sempadan yang berkesan di rantau ini. Dengan pelaksanaan ABIF, pengaturan pengawalseliaan dan penyeliaan juga akan diperkukuh bagi memastikan kestabilan kewangan serantau terpelihara.

Penyempurnaan Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN akan merintis jalan untuk mewujudkan pasaran perbankan yang lebih bersepadu dalam rantau ASEAN

Pada 31 Disember 2014, Bank, Bank Indonesia dan Otoritas Jasa Keuangan menandatangani Perjanjian (Heads of Agreement) sebagai pelopor kepada penyempurnaan ABIF. Perjanjian ini mengenal pasti langkah yang dipersetujui antara pihak berkuasa Indonesia dengan Malaysia berhubung akses pasaran dan

Akaun Pelaburan di bawah IFSA

Kewangan Islam, melalui penawaran pelbagai kontrak berlandaskan Syariah, berada pada kedudukan yang baik untuk menyediakan perkhidmatan kepada sektor ekonomi benar dan memenuhi keperluan dinamik para pelanggan. Pengenalan akaun pelaburan oleh bank-bank Islam merupakan satu langkah penting dalam merealisasikan potensi ini. Akaun pelaburan menawarkan saluran pelaburan baharu yang boleh memenuhi pilihan risiko-pulangan yang lebih pelbagai bagi pelabur, lantas menyumbang kepada pembiayaan keusahawanan dalam sektor ekonomi benar. Bagi bank-bank Islam, akaun pelaburan merupakan sumber pendanaan baharu yang membuka peluang kepada mereka untuk menyalurkan dana dengan cekap kepada aktiviti yang produktif melalui aplikasi kontrak Syariah yang lebih meluas seperti kontrak pembiayaan berasaskan ekuiti. Ini seterusnya akan memperluas peranan bank-bank Islam sebagai pengantara kewangan dalam menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi.

Rencana ini bertujuan memberikan gambaran mengenai konsep dan ciri utama akaun pelaburan, implikasi kepada pelanggan dan bank-bank Islam, serta langkah-langkah yang diambil industri perbankan Islam untuk menyediakan mekanisme pasaran yang cekap dalam penawaran produk akaun pelaburan.

Akaun Pelaburan sebagai Penawaran Produk Baharu kepada Pelanggan

Perbezaan yang jelas antara akaun pelaburan dengan akaun deposit di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA) merintis perencanaan untuk mempercepat pertumbuhan akaun pelaburan sebagai suatu kelas aset dan sumber pendanaan berlandaskan Syariah yang unik bagi bank-bank Islam. Pelanggan yang sanggup mengambil risiko yang lebih tinggi boleh memilih untuk menyimpan dana lebihan mereka dalam akaun pelaburan. Berbeza dengan deposit Islam yang boleh dikeluarkan atas permintaan dan dijamin oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), pelanggan akaun pelaburan boleh melabur dana mereka untuk tempoh yang lebih panjang dan berpeluang meraih pulangan yang lebih tinggi, namun tertakluk kepada syarat-syarat pengeluaran yang lebih terbatas.

Akaun pelaburan boleh distrukturkan mengikut profil risiko dan pulangan yang berbeza, bergantung pada ciri aset yang menjadi sandarannya. Dana yang diperoleh boleh disalurkan kepada pelbagai jenis pembiayaan, bukan sahaja pembiayaan berasaskan hutang, malah pembiayaan berasaskan ekuiti serta pendanaan usaha niaga berdaya maju di bawah kriteria kredit yang lebih luas (contohnya, usaha niaga di luar had penumpuan atau *concentration limits*, sesebuah bank Islam), sejajar dengan ciri penyerapan risiko akaun pelaburan. Dari segi jenis aset yang dibiayai, dana tersebut boleh disalurkan kepada aset tertentu seperti pembiayaan perdagangan kepada pengeksport individu, atau kepada sesuatu portfolio aset seperti pembiayaan kepada suatu kumpulan perusahaan kecil dan sederhana.

Akaun pelaburan merupakan saluran tambahan bagi usaha niaga mendapatkan pembiayaan selain daripada dana ekuiti swasta dan dana modal usaha niaga. Tahap pulangan kepada pelanggan bergantung pada prestasi aset sandaran, dengan pulangan lebih tinggi boleh dijana daripada struktur pembiayaan berasaskan ekuiti serta strategi pengurusan modal dan mudah tunai yang lebih cekap oleh bank-bank Islam. Bentuk pulangan akaun pelaburan ditentukan oleh jenis kontrak Syariah yang digunakan. Kontrak-kontrak tersebut pada amnya tergolong dalam kategori berikut:

- Kontrak Musyarakah (perkongsian untung dan rugi) – keuntungan dikongsi antara pelanggan dengan sesebuah bank Islam berdasarkan nisbah yang dipersetujui dan kerugian ditanggung berdasarkan jumlah modal yang disumbangkan;
- Kontrak Mudarabah (perkongsian untung dan penanggungan rugi) – keuntungan dikongsi antara pelanggan dengan sesebuah bank Islam berdasarkan nisbah keuntungan yang dipersetujui, manakala kerugian ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan sebagai penyumbang modal tunggal; atau
- Kontrak Wakalah (perwakilan) – keuntungan diberikan kepada pelanggan selepas mengambil kira pembayaran yuran perwakilan (dikenakan ketika jumlah prinsipal mula dilaburkan atau ketika pulangan dijana) dan fi prestasi diberikan kepada bank Islam apabila pulangan melebihi suatu tanda aras yang dipersetujui.

Dua jenis akaun pelaburan utama yang ditawarkan oleh bank-bank Islam di Malaysia ialah akaun pelaburan terhad dan akaun pelaburan tidak terhad. Akaun pelaburan terhad (restricted investment accounts, RA) membolehkan pelanggan menentukan mandat pelaburan dan memilih aset sandaran untuk tujuan pendanaan. Selaras dengan parameter pelaburan yang lebih terbatas, tempoh matang RA perlu sepadan dengan tempoh pemegangan aset sandaran yang dipilih, dengan sekatan tambahan ke atas pemegang akaun untuk mengeluarkan dana mereka sebelum tempoh matang. Akaun pelaburan tidak terhad (unrestricted investment accounts, UA) pula membolehkan bank-bank Islam menentukan mandat pelaburan dan struktur akaun pelaburan, yang mungkin melibatkan penggabungan UA yang berlainan untuk dilaburkan dalam pelbagai portfolio aset sandaran, sebagai pertukaran bagi syarat pengeluaran yang lebih fleksibel oleh pelanggan. Meskipun akaun pelaburan boleh disuaipadankan untuk memenuhi keperluan dan pilihan kumpulan pelanggan yang pelbagai, pelaburan tersebut tidak dijamin oleh PIDM. Di bawah IFSA, perbezaan penting antara UA, RA dan akaun deposit perlu diperjelaskan oleh sesebuah bank Islam dalam aspek operasi dan juga urus niaganya dengan pelanggan. Gambar Rajah 1 menunjukkan produk-produk utama yang ditawarkan oleh bank-bank Islam.

Gambar Rajah 1

Penawaran Produk Utama oleh Bank-bank Islam



Pengurusan Akaun Pelaburan oleh Bank-bank Islam

Pengurusan akaun pelaburan adalah tertakluk kepada dasar mengenai akaun pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank pada bulan Mac 2014. Dokumen dasar tersebut menggariskan keperluan kecukupan modal dan mudah tunai bagi akaun pelaburan yang mencerminkan sifat penyerapan risikonya, keperluan penzahiran tambahan yang setara dengan risiko yang ditanggung pemegang akaun, dan tanggungjawab bank-bank Islam untuk mengurus pelaburan mengikut prinsip pelaburan yang berhemat. IFSA juga melindungi kepentingan pemegang akaun pelaburan dengan memberikan keutamaan kepada

pemegang akaun untuk membuat tuntutan terhadap aset sandaran yang dibiayai sekiranya berlaku pembubaran aset sandaran. Khususnya, IFSA menetapkan aset sandaran hendaklah dilindungi (ring-fenced) bagi memenuhi tuntutan pemegang akaun pelaburan. Gambaran keseluruhan mengenai pengurusan akaun pelaburan ditunjukkan dalam Gambar Rajah 2.

Gambar Rajah 2

Peranan Pengantaraan Bank-bank Islam dalam Pengurusan Akaun Pelaburan



Penawaran Akaun Pelaburan Secara Cekap Melalui Platform Akaun Pelaburan

Strategi utama untuk mendapatkan penyertaan padu pelabur berpotensi dan menyedia akses seluas mungkin bagi usaha niaga pelaburan dan institusi penaja prospektif adalah dengan memanfaatkan infrastruktur yang dikongsi bersama dalam penawaran akaun pelaburan. Perkongsian infrastruktur boleh mengurangkan kos permulaan yang sepatutnya ditanggung oleh setiap bank Islam dan pada masa yang sama menyediakan asas untuk meningkatkan kecekapan pada masa akan datang. Platform Akaun Pelaburan, yang akan dibangunkan oleh industri perbankan Islam, akan berfungsi sebagai platform berpusat yang melibatkan pelbagai bank, yang membolehkan pelanggan mengakses dan memilih daripada pelbagai usaha niaga yang ditaja bank-bank Islam yang berbeza, untuk membuat pelaburan dan memantau pelaburan mereka. Platform tersebut, akan beroperasi menggunakan infrastruktur yang sama seperti perbankan Internet dan mudah alih, dilengkapi ciri inovatif berikut:

- Pelbagai pilihan usaha niaga yang berdaya maju – Usaha niaga yang tersenarai di platform ini akan dinilai dan disaring terlebih dahulu oleh bank Islam penaja. Semua usaha niaga yang tersenarai adalah berlandaskan Syariah.
- Kawalan terhadap kualiti maklumat dalam membuat keputusan – Setiap usaha niaga yang tersenarai akan disertakan maklumat penting untuk membantu pelanggan membuat pilihan pelaburan. Maklumat ini perlu mematuhi piawaian penzahiran minimum yang turut meliputi penerangan mengenai usaha niaga, syarat pembiayaan (seperti tempoh pembiayaan dan nisbah perkongsian keuntungan), anggaran kadar keuntungan dan tahap risiko usaha niaga seperti yang dikategorikan oleh bank penaja.
- Kemudahan urus niaga – Pelanggan boleh menyaring pilihan mereka mengikut jenis usaha niaga yang ingin dilabur, berdasarkan faktor seperti industri yang mendasarinya, lokasi usaha niaga,

tahap risiko dan tempoh pembiayaan. Pelanggan juga boleh menyaring usaha niaga pelaburan berdasarkan pilihan bank Islam yang menjadi penaja sesuatu usaha niaga.

- Penilaian kesesuaian – Bank penaja akan menilai kesesuaian pelaburan yang ingin dibuat berdasarkan tahap kesanggupan mengambil risiko dan kedudukan kewangan pelanggan. Walau bagaimanapun, keputusan sama ada hendak meneruskan pelaburan atau tidak masih terletak di tangan pelanggan tersebut. Mana-mana pelanggan yang memilih untuk meneruskan pelaburan yang tidak selaras dengan penilaian kesesuaian bank penaja akan diberikan peringatan sewajarnya mengenai risiko yang terbabit.
- Pemantauan yang kerap – Pelanggan akan diberikan laporan prestasi usaha niaga mereka sekurang-kurangnya dua kali setahun. Laporan itu turut mengandungi penilaian oleh bank penaja mengenai risiko yang mungkin timbul berkaitan dengan usaha niaga tersebut.

Platform Akaun Pelaburan akan ditadbir oleh sebuah entiti yang ditubuhkan oleh bank-bank Islam. Entiti tersebut akan bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengurus penyenaraian usaha niaga pelaburan oleh bank Islam penaja. Setiap bank Islam penaja yang menggunakan platform tersebut masih tertakluk kepada tanggungjawab fidusiari kepada pemegang akaun pelaburan melalui akaun pelaburan yang ditawarkan di bawah platform itu. Gambar Rajah 3 menunjukkan mekanisme umum Platform Akaun Pelaburan.

Gambar Rajah 3

Mekanisme Umum Platform Akaun Pelaburan



Platform tersebut akan disepadukan dengan infrastruktur pembayaran sedia ada dan sistem teknologi maklumat bank penaja bagi memastikan pemindahan dana secara cekap daripada pelanggan pada peringkat permulaan tempoh pembiayaan, serta pembayaran balik prinsipal dan sebarang keuntungan pada akhir tempoh pembiayaan. Ciri penting yang membezakan platform tersebut dengan platform lain, seperti platform pendanaan yang diperoleh daripada orang ramai (crowd-sourced funding), ialah penglibatan bank sebagai pengantara kewangan dalam urus niaga.

Platform Akaun Pelaburan dijangka menambah peluang penyertaan pengguna berdasarkan perkongsian risiko, dengan memberikan keyakinan yang lebih tinggi terhadap pembiayaan aktiviti keusahawanan serta aktiviti ekonomi yang lain. Dalam jangka masa panjang, kejayaan platform ini boleh merintis kepada penawaran pembiayaan dalam pelbagai mata wang bagi usaha niaga di luar Malaysia.

Pelaksanaan akaun pelaburan secara berkesan, yang disokong Platform Akaun Pelaburan, merupakan satu lagi inisiatif strategik untuk memacu pembangunan kewangan Islam dalam menyokong aktiviti ekonomi benar. Ini boleh dicapai melalui struktur pembiayaan inovatif yang lebih luas dengan peranan penting dimainkan oleh bank-bank Islam.

fleksibiliti operasi yang akan diberikan kepada institusi perbankan yang diiktiraf sebagai QAB dalam negara masing-masing. Dalam memperlihatkan proses dua hala yang menjadi komponen penting ABIF, Perjanjian dijangka membuka jalan untuk pengendalian pengaturan dua hala lain di bawah ABIF pada masa akan datang.

Sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun 2015, selain usaha mengukuhkan integrasi kewangan, inisiatif menggalakkan rangkuman kewangan juga menjadi keutamaan Malaysia supaya pengguna ASEAN boleh mendapat manfaat daripada integrasi kewangan dan akan dilaksanakan dengan kerjasama agensi khusus seperti AFI. Bank juga akan terus berbincang dan berinteraksi secara aktif dengan pelbagai pihak berkepentingan negara dan serantau bagi memperkukuh inisiatif bina upaya di rantau ini untuk menyokong usaha merealisasikan potensi pertumbuhan ASEAN.

Pada tahun 2014, Malaysia telah melalui Penilaian Setara Fasa 2 Forum Global Mengenai Ketelusan dan Pertukaran Maklumat untuk Tujuan Percukaian yang menilai pelaksanaan secara praktikal piawaian global bagi pertukaran maklumat. Hasilnya, Malaysia diberikan penarafan keseluruhan `Pematuhan Hampir Menyeluruh'. Melangkah ke hadapan, Malaysia akan menerima pakai piawaian global pertukaran maklumat secara automatik untuk tujuan percukaian menjelang tahun 2018, tertakluk kepada penyempurnaan prosedur perundangan yang perlu. Ini lantas mencerminkan komitmen Malaysia untuk menjalin kerjasama antarabangsa yang lebih erat dalam memerangi aktiviti pengelakan cukai bagi memastikan integriti sistem kewangan terpelihara.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN SECARA BERTERUSAN

Pada tahun 2014, Bank meneruskan kerjasamanya dengan industri perkhidmatan kewangan untuk membangunkan infrastruktur pembangunan tenaga mahir yang menyeluruh bagi memastikan kumpulan tenaga mahir yang mampan untuk industri kewangan, dengan tahap piawaian profesional yang lebih tinggi.

Beberapa inisiatif utama dilaksanakan pada tahun 2014:

(i) Penubuhan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan

Bagi menyediakan hala tuju strategik bagi pembangunan tenaga mahir sektor kewangan, Bank menubuhkan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (Majlis) pada bulan Julai 2014. Penubuhan Majlis ini, yang telah dikenal pasti di bawah Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, mempertemukan individu dengan pengalaman yang luas dan mendalam daripada industri perkhidmatan kewangan dan akademik. Berdasarkan permintaan terhadap tenaga mahir sektor kewangan Malaysia pada masa hadapan, Majlis berperanan mengenal pasti strategi untuk terus membangunkan, menarik minat, mengekalkan dan menempatkan tenaga mahir tempatan dan antarabangsa bagi memenuhi permintaan ini. Tumpuan jangka terdekat Majlis adalah terhadap:

- Mengenal pasti dan menentukan kekurangan kemahiran, trend asas yang memacu permintaan tenaga mahir serta sumber utama bekalan tenaga mahir; dan
- Menilai keberkesanan semua penyedia latihan dan pembangunan yang menyokong peningkatan kemahiran kumpulan tenaga mahir industri.

Infrastruktur pembangunan tenaga mahir yang menyeluruh bertujuan memastikan kumpulan tenaga mahir yang mampan untuk industri kewangan dengan tahap piawaian profesional yang lebih tinggi

Hasil kajian awal serta perbincangan dan interaksi Majlis telah mendedahkan beberapa pemerhatian penting seperti yang diringkaskan dalam Jadual 2.1.

Melangkah ke hadapan, Majlis akan meningkatkan perbincangan dan interaksi dengan industri, sektor swasta dan sektor awam, serta institut pendidikan dan latihan. Maklum balas dan penilaian daripada sesi-sesi tersebut akan dijadikan asas kepada syor oleh Majlis.

(ii) Penubuhan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan

Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (Lembaga) dibentuk oleh industri pada bulan September 2014 dengan

Gambar Rajah 2.1

Rangka Kerja Institusi Pembangunan Modal Insan yang Komprehensif untuk Menyokong Pertumbuhan Sektor Kewangan



FSTC	Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Talent Council)	Mengesyorkan strategi bagi membangunkan, menarik minat, mengekalkan dan menempatkan tenaga mahir tempatan dan antarabangsa untuk memenuhi permintaan
FSPB	Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Professional Board)	Membangunkan dan menyokong piawaian profesional dan etika untuk sektor kewangan yang diterima pakai secara sukarela
FAA	Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency)	Bertanggungjawab terhadap jaminan kualiti inisiatif pembelajaran, termasuk akreditasi program, individu dan institusi
AIF	Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance)	Memperkukuh pembangunan modal insan dan pengurusan tenaga mahir dalam sektor kewangan
	Asian Institute of Chartered Bankers	Badan pendidikan profesional bagi industri perbankan dan perkhidmatan kewangan di Malaysia
	Institut Insurans Malaysia (The Malaysian Insurance Institute)	Badan profesional dan institusi pendidikan bagi industri insurans dan takaful di Malaysia
SIDC	Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti (Securities Industry Development Corporation)	Menyediakan pendidikan, latihan dan maklumat berkenaan pasaran modal untuk ASEAN
IBFIM	IBFIM	Pusat latihan dan rujukan kewangan Islam bagi industri dan ahli akademik
iclif	Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif (The Iclif Leadership and Governance Centre)	Menyediakan latihan untuk pengurusan kanan dalam pengurusan strategik dan kepimpinan
fstep	Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme)	Menyediakan latihan untuk siswazah terbaik bagi memperoleh asas dalam industri perkhidmatan kewangan
INCEIF	Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance)	Menyediakan tenaga mahir dan membina kemahiran dalam kewangan Islam dengan menawarkan program siswazah dan profesional

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 2.1

Pemerhatian Utama

Ketersediaan siswazah untuk bekerja (job-readiness) adalah penting bagi barisan tenaga mahir peringkat kemasukan.

- Sebahagian besar, atau 65% siswazah yang diambil bekerja pada peringkat kemasukan bukanlah lulusan bidang berkaitan kewangan.
- Bagi peringkat kemasukan, institusi kewangan pada amnya lebih bimbang akan kompetensi untuk sedia bekerja berbanding dengan kompetensi teknikal.

Tahap pergantungan institusi kewangan kepada penyedia latihan luar, latihan dalaman atau pengalaman di tempat kerja adalah berbeza.

- Pilihan gabungan jenis penyedia latihan sesebuah institusi kewangan bergantung pada jenis dan kecanggihan kemahiran bekerja yang memerlukan peningkatan kemahiran seterusnya.
- Sebahagian besar institusi kewangan memaklumkan mereka bergantung pada penyedia latihan luar bagi latihan asas dan keperluan kelayakan profesional.
- Perbincangan berterusan antara penyedia latihan luar dengan institusi kewangan adalah penting untuk memastikan program latihan adalah sejajar dengan keperluan peningkatan kemahiran terkini.

Pertukaran kerja antara institusi kewangan berlaku terutamanya dalam kalangan pekerja dengan pengalaman kerja yang sedikit.

- Kebanyakan peletakan jawatan pada tahun 2013 melibatkan pekerja dengan pengalaman kerja yang kurang dari lima tahun dan bertukar kerja dalam sektor kewangan domestik.
- Institusi kewangan menghadapi tekanan kos pengambilan pekerja kerana kekurangan calon yang berpengalaman telah mendorong kenaikan gaji sebanyak 15-30% kepada pekerja yang diambil dari luar, berbanding kenaikan gaji tahunan untuk pekerja sedia ada sebanyak kira-kira 5-6%.

Kesukaran untuk mendapatkan calon pekerja yang sesuai, meningkat daripada peringkat kemasukan hingga peringkat lebih tinggi.

- Secara purata, masa yang diambil untuk mengisi kekosongan jawatan pada semua peringkat adalah lebih kurang 40 hari, dengan tempoh diambil untuk mengisi kekosongan jawatan antara lima hingga lebih 100 hari.
- Secara purata, masa yang diambil untuk mengisi kekosongan jawatan adalah paling lama pada peringkat lebih tinggi, diikuti peringkat pertengahan dan peringkat kemasukan.
- Institusi kewangan perlu memastikan tenaga mahir dalam bidang kemahiran kritikal dikekalkan. Institusi memaklumkan strategi utama yang digunakan adalah berbincang dan berinteraksi dengan pekerja secara berterusan mengenai pembangunan kerjaya individu dan pengurusan penggantian.

10 Bidang Utama yang Dijangka Mengalami Kekurangan Pekerja dalam Tempoh Lima Tahun Akan Datang

Perbankan

- Unit Syariah
- Perbendaharaan
- Perbankan Korporat
- Undang-undang dan Pematuhan
- Perbankan Komersial
- Perbankan Urus Niaga
- Risiko Kredit
- Perbankan Pelaburan
- Pengurusan Risiko
- Teknologi Maklumat

Insurans dan Takaful

- Pengunderaitan
- Aktuari Dilantik
- Pembangunan Perniagaan
- Pengurusan Risiko
- Teknologi Maklumat
- Tuntutan
- Pembangunan Produk
- Perkhidmatan Aktuari
- Undang-undang dan Pematuhan
- Jualan dan Pemasaran

Jurang berulang merentas fungsi

- Calon yang mempunyai 6-10 tahun pengalaman yang berkaitan
- Calon yang memiliki kelayakan profesional dan pengalaman bekerja
- Pakar bidang khusus dan pelbagai produk
- Calon yang mempunyai kemahiran teknikal khusus
- Pengurus projek
- Calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenai pasaran tempatan dan global

sokongan Bank dan Suruhanjaya Sekuriti untuk membangunkan dan menyokong penggunaan piawaian etika dan profesional yang tinggi untuk mengukuhkan keyakinan terhadap industri perkhidmatan kewangan dalam negeri dan antarabangsa. Piawaian tersebut akan digunakan dalam sektor perbankan, insurans, pasaran modal dan kewangan Islam. Lembaga tersebut, yang anggotanya terdiri daripada individu terkemuka yang mempunyai pengalaman global dalam perkhidmatan kewangan, undang-undang, perakaunan dan industri lain yang berkaitan, akan memberikan perspektif global yang penting ke arah pembentukan piawaian yang boleh digunakan di seluruh dunia. Dengan semakin banyak tumpuan diberikan pada amalan dalam industri kewangan pada peringkat global, tumpuan jangka terdekat Lembaga adalah terhadap usaha merangka tataetika untuk ahli profesional dalam industri.

Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan ditubuhkan untuk membangunkan dan menyokong penggunaan piawaian etika dan profesional yang tinggi dalam industri perkhidmatan kewangan

(iii) Struktur Kelayakan Kewangan dan Piawaian Pembelajaran FAA

Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency, FAA) melancarkan Struktur Kelayakan Kewangan (SKK) dan Piawaian Pembelajaran FAA (PPF) pada bulan September 2014 untuk meningkatkan kualiti program pembelajaran tenaga mahir dan profesional dalam industri perkhidmatan kewangan. SKK bertujuan menyelaraskan dan menentukan kelayakan profesional berkaitan dengan pengamal kewangan dalam satu rangka kerja kelayakan, lantas membolehkan perbandingan dan pengiktirafan bersama dibuat terhadap pembelajaran terdahulu supaya ahli profesional kewangan boleh mengamalkannya merentas negara menerusi penggunaan satu set piawaian global. Inisiatif ini dilengkapkan oleh PPF, yang bertujuan menggalakkan piawaian minimum dalam merangka, membangunkan dan melaksanakan program pembelajaran, dan seterusnya meningkatkan kualiti program pembelajaran secara keseluruhan merentas industri. Kedua-dua inisiatif tersebut dipercayai merupakan yang pertama seumpamanya dalam industri kewangan.

(iv) Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dalam Kewangan Islam dan Pendidikan Pemimpin Syariah

Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan dalam Kewangan Islam dan Pendidikan Pemimpin Syariah akan ditawarkan buat julung kalinya pada tahun 2015. Program ini direka khusus untuk memperluas perspektif pengarah dan sarjana Syariah mengenai peluang yang bakal timbul dalam kewangan Islam serta melengkapi mereka dengan pengetahuan teknikal dan kemahiran yang diperlukan untuk membina model perniagaan yang mampan berlandaskan prinsip Syariah. Program ini menggunakan metodologi dan pendekatan pembelajaran yang terbukti amat berkesan dalam program kompetensi kepimpinan lain yang berjaya, yang ditawarkan oleh Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif.